

## **Kepentingan Peribahasa Arab dalam Pengajaran dan Pembelajaran**

*Nik Radhiah Nik Ali*  
*Sekolah Kebangsaan Islah*  
*nickrusydi@yahoo.com*

### **ABSTRAK**

Peribahasa Arab wajar diterapkan dalam pendidikan bahasa Arab samaada diperingkat rendah atau menengah kerana mengandungi nilai murni dan estetika yang tinggi. Objektif kajian ini ialah menjelaskan kepentingan peribahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, pelajar dapat menambah pengetahuan tentang budaya masyarakat Arab seperti pemeliharaan unta, penanaman pokok kurma, adat zaman Jahiliyah, dan sebagainya. Peribahasa Arab juga mengandungi peribahasa Islam yang dapat mendidik pelajar memahami ajaran Islam melalui perantaraan peribahasa. Sumbangan kajian ialah pelajar dapat mengambil pengajaran dan unsur tarbiyah dalam peribahasa Arab, pelajar Melayu dapat memahami budaya orang Arab, memupuk generasi muda mengaplikasikan nasihat dalam peribahasa Arab dalam kehidupan seharian, mendidik generasi baru menggunakan bahasa yang sopan, dan dapat membuka minda pelajar tentang peribahasa asing. Diharapkan kajian ini dapat memberi kesedaran tentang kepentingan peribahasa Arab dalam bidang pendidikan.

*Kata Kunci:* peribahasa Arab, pengajaran dan pembelajaran, nilai murni, unsur tarbiyah, budaya

### **PENDAHULUAN**

Peribahasa mempunyai banyak keistimewaan, antaranya peribahasa menjadikan percakapan lebih indah dan berseni, maksud dapat disampaikan dengan berkesan dan dapat dijadikan hujah dalam percakapan kerana kebenarannya. Peribahasa merupakan salah satu cara untuk menyampaikan maksud secara kiasan, menghubungkan sesuatu perkara dengan apa-apa yang dilihat dan menghubungkan perkara yang lama dengan baharu. Peribahasa juga dapat menggambarkan kehidupan masyarakat dan pengalaman mereka dalam kehidupan. Contohnya, peribahasa “Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya” menunjukkan usaha yang keras adalah perlu untuk memastikan apa-apa yang dihajati dapat dicapai.

Peribahasa Arab wajar diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran agar pelajar dapat didedahkan dengan peribahasa asing selain peribahasa Melayu. Pengajaran peribahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran banyak kelebihannya.

Antara kepentingan peribahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran ialah:-

#### **I. Membuka minda pelajar tentang peribahasa asing selain peribahasa Melayu.**

Peribahasa Melayu merupakan sesuatu yang sudah sinonim dengan pelajar kerana ia merupakan pelajaran yang diajar dalam sukatan pelajaran. Selain peribahasa Melayu, pelajar seharusnya didedahkan dengan peribahasa asing terutamanya peribahasa Arab. Peribahasa Arab sangat penting kerana ia mengandungi banyak unsur nasihat yang sangat berguna kepada pelajar sebagaimana mathal *من دمك من دمك* maksudnya, “Rahsiamu adalah daripada darahmu” (al-Maydaniy, 1972: 1/343).

Peribahasa ini digunakan untuk menunjukkan kepentingan menyimpan rahsia. Apabila salah seorang diberitahu rahsianya, maka hendaklah menyimpan rahsia kawannya, seperti peribahasa *اجعله في وعاء غير سرب* maksudnya, “Simpanlah rahsia di dalam bekas yang tidak menyerap air di merata tempat” (al-Maydaniy, 1972: 1/ 167). Peribahasa ini digunakan bagi menggambarkan kepentingan menyimpan rahsia dan janganlah seperti bekas berlubang yang mengalirkan air. Air itu umpama rahsia dan bekas pula adalah kiasan kepada tempat menyimpan rahsia.

Begitu juga peribahasa yang menggambarkan sifat reda dengan apa-apa yang dimiliki merupakan akhlak yang terpuji dalam kalangan masyarakat Arab. Contohnya peribahasa *عز الرجل استغناؤه عن الناس* maksudnya, “Kemuliaan seseorang itu apabila tidak memerlukan milik orang lain” (al-Maydaniy, 2004: 2 /65). Peribahasa Arab menggalakkan pelajar supaya tidak hanya fokus pada peribahasa Arab semata-mata, bahkan pemikirannya akan lebih terbuka dan kreatif dengan pembelajaran peribahasa asing.

## II. Mendidik pelajar menggunakan bahasa yang sopan dalam percakapan.

Secara tidak langsung pengajaran peribahasa Arab dalam dapat membantu mendidik pelajar menggunakan bahasa yang sopan dalam percakapan. Ini adalah kerana percakapan yang menggunakan peribahasa adalah lebih manis dan lembut untuk menegur seseorang berbanding percakapan biasa. Sebagai contoh teguran untuk kurangkan bercakap boleh menggunakan peribahasa *الندم على السكوت خير من الندم على القول* “Menyesal kerana diam adalah lebih baik berbanding menyesal kerana bercakap” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 407). Lebih baik seseorang menyesal kerana berdiam diri daripada menyesal kerana banyak bercakap. Ini adalah kerana banyak bercakap mengguris banyak perasaan. Peribahasa ini digunakan bagi menggambarkan penyesalan kerana tidak bercakap adalah lebih baik berbanding menyesal kerana bercakap kerana kata-kata mampu mengguris perasaan. Peribahasa *عي الصمت أحسن من عي المنطق* maksudnya, “Letih kerana diam adalah lebih baik berbanding letih kerana bercakap” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 30). Ia digunakan bagi menasihati seseorang yang banyak bercakap.

Teguran untuk mengelakkan bercakap bohong seperti peribahasa *الكذب داء, والصدق شفاء* maksudnya, “Bohong itu penyakit, dan benar adalah penawarnya” (al-Maydaniy: 2004, 2/ 197). Ia digunakan bagi menggambarkan pembohongan ialah penyakit yang akan memudaratkan penuturnya.

Orang Arab memuji sikap menunaikan janji dan mengeji sesiapa yang mengingkarinya, contohnya *mathal المرءة خلف الموعد* maksudnya, “Mungkir janji ialah sifat yang mengaibkan” (al-Maydaniy, 1972: 1/ 59). Peribahasa ini digunakan untuk mengeji sikap orang yang suka memungkiri janji. Orang Arab menyamakan orang yang mungkir janji dengan awan yang tiada hujan seperti yang terdapat dalam peribahasa *إنما هو كبرق الخل* maksudnya, “Sesungguhnya dia seperti awan tanpa hujan” (al-Maydaniy, 1972: 1/ 28). Perbuatan mungkir janji disamakan dengan awan yang tidak mengandungi hujan, iaitu menunjukkan sesuatu yang tidak berfaedah. Peribahasa ini digunakan untuk individu yang suka memungkiri janji.

## III. Mendedahkan pelajar dengan budaya masyarakat Arab

Selain itu, pembelajaran peribahasa Arab dapat menambah pengetahuan pelajar tentang budaya masyarakat Arab. Ini dapat mengembangkan pemikiran pelajar dengan budaya masyarakat yang wujud di dunia dan tidak terhad dengan budaya masyarakat Melayu semata-mata.

Sebagaimana yang telah diketahui unta merupakan haiwan yang penting bagi orang Arab. Terdapat adat yang diamalkan oleh orang Arab bagi membezakan untanya dengan unta orang lain. Caranya ialah mereka akan menanda unta milik mereka dengan membakar sedikit kulit unta dengan api. Api yang digunakan untuk adat ini dinamakan api “al-Wasmu”

Dengan adanya tanda tersebut, orang dapat mengetahui pemilik unta tanpa perlu bertanya dan bersoal jawab. Adat ini juga turut dimuatkan dalam mathal, antaranya : *كل نجارها نارها* maksudnya, “Asal dan tuan adalah merujuk kepada apinya” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 398), iaitu keistimewaan api unta menunjukkan asal dan pemiliknya. Begitu juga peribahasa *لا تنسبوا وانظروا ما نارها* maksudnya, “Jangan kamu menilainya, lihatlah apinya” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 259). Dengan adanya api, unta akan diberi penghormatan oleh orang Arab.

Sekiranya mereka menjumpai air di sesuatu kawasan, unta yang ada penanda api akan diberi air terlebih dahulu. Peribahasa seterusnya yang berkaitan dengan adat ini ialah *كل نجار إبل نجارها* maksudnya, “Setiap api unta adalah menunjukkan asalnya” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 163). Ia digunakan untuk menunjukkan kemuliaan unta bergantung kepada apinya. Ini ialah kata-kata lelaki yang ingin menjual untanya di kedai. Kemudian pembeli bertanya kepadanya: Dari mana datangnya unta ini?, maka jawab lelaki tersebut:

*تسألني الباعة أين دارها \* لا تسألوني وسلوا ما نارها\* كل نجار إبل نجارها \**

*Maksudnya, Kamu bertanya kepadaku tentang rumahnya, jangan kamu tanya aku tetapi tanyalah apakah apinya kerana setiap api unta menunjukkan asalnya.*

Masyarakat Arab hidup berpuak-puak dan mempunyai kabilah masing-masing. Pertelingkahan yang berlaku antara satu puak dengan puak yang lain akan menimbulkan peperangan. Apabila satu kabilah ingin mengumpulkan tenteranya untuk berperang, mereka akan menyalakan api di atas bukit pada waktu malam.

Tujuan api tersebut adalah untuk membangunkan tentera supaya menyahut cabaran untuk pergi berperang. Sekiranya perang yang akan mereka hadapi adalah besar dan bahaya maka dua api akan dinyalakan. Mereka juga mengatakan nyalaan api itu adalah sesuatu yang berharga sebagaimana dicatat dalam mathal Arab: *نار الحرب أسعر* maksudnya, “Api perang lebih berharga” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 107). Peribahasa ini digunakan untuk peperangan yang disanjung. Mathal ini jelas menggambarkan masyarakat Arab terkenal dengan permusuhan dan gemar berperang sehingga mereka menganggap peperangan itu sebagai sesuatu yang bernilai.

#### IV. Pelajar dapat mempelajari peribahasa Islam.

Peribahasa Arab dan peribahasa Melayu mempunyai persamaan kerana ia dihubungkan oleh pegangan agama yang satu iaitu agama Islam. Apabila pelajar mempelajari peribahasa Arab, mereka juga dapat memahami peribahasa Islam yang menyeru ke arah pendidikan agama Islam seperti peribahasa yang menyeru untuk mengingati kematian dan beriman kepada Allah : *عند الله لحم حباريات* “Disisi Allah daging Hubara” iaitu kiasan kepada hajat yang tidak kesampaian (al-Maydaniy, 2004: 2/ 20). Terdapat juga peribahasa yang menyebut tentang ajal dan kematian: *عرفتني نسأها* “Allah telah melewati kematianku” iaitu Allah berkuasa melambatkan kematian seseorang (al-Maydaniy, 2004: 2/ 12). Peribahasa yang menyeru kepada bertawakkal kepada Allah seperti: *اعقل وتوكل* “Ikutlah kemudian bertawakkallah” iaitu seruan supaya berusaha mengikat unta terlebih dahulu, kemudian menyerahkan segalanya pada Allah (al-Maydaniy, 2004: 2/ 32). Islam bukan sekadar menyuruh umatnya menyerah kepada Allah semata-mata, tetapi hendaklah diikuti

dengan usaha gigih sebagaimana peribahasa *الله تعالى عوض عن كل فائت* bermaksud “Allah taala menggantikan setiap yang berlalu” iaitu kiasan kepada kemampuan Allah menggantikan sesuatu yang telah tiada. Peribahasa ini diucapkan oleh Umar bin Abdul Aziz (al-Maydaniy, 2004: 2/ 96). Peribahasa yang mendoakan kebaikan ke atas saudaranya seperti: *قمم الله عصبه* “Menambahkan Allah bilangan kaum kerabatnya” iaitu kiasan kepada doa yang baik supaya Allah menambahkan ahli kerabatnya (al-Maydaniy, 2004: 2/ 128).

Peribahasa yang menyebut tentang keimanan seperti: *قيد الإيمان الفتك* “Sekatan iman ialah pembunuh upahan” iaitu kiasan kepada Islam melarang melakukan pembunuhan. Peribahasa ini adalah sabda nabi Muhammad SAW (al-Maydaniy, 2004: 2/ 129).

## V. Nilai-nilai murni dapat diterapkan dalam diri pelajar

Peribahasa Arab mengandungi banyak nilai-nilai murni yang dapat mentarbiyah pelajar dengan akhlak yang mulia. Antaranya peribahasa Arab menyeru masyarakatnya supaya menjaga lidah kerana ia mampu membawa seseorang itu kepada kebahagiaan atau kebinasaan.

Terdapat peribahasa yang menggambarkan bahawa lidah boleh membawa kepada kebinasaan iaitu *مقتل رجل بين فكيه* “Terbunuh seorang lelaki antara dua gerahamnya” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 313). Apa yang dimaksudkan dengan geraham ialah lidah atau kata-kata. Seseorang boleh binasa disebabkan lidahnya. Peribahasa ini digunakan bagi seseorang yang menanggung akibat kesan daripada kata-katanya.

Peribahasa *الصمت أحسن من عي المنطق* maksudnya, “Letih kerana diam adalah lebih baik berbanding letih kerana bercakap” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 30). Peribahasa ini digunakan bagi menasihati seseorang yang banyak bercakap. Apabila bercakap, biarlah kata-kata yang diucapkan itu mengandungi kebenaran bukan pembohongan. Masyarakat Arab menganggap individu yang bercakap benar mempunyai nilai akhlak yang tinggi. Lantas, orang Arab mencipta mathal *الكذب داء، والصدق شفاء* maksudnya, “Bohong itu penyakit, dan benar adalah penawarnya” (al-Maydaniy: 2004, 2/ 197). Peribahasa ini digunakan bagi menggambarkan pembohongan ialah penyakit yang akan memudaratkan penuturnya.

Selain bercakap benar, orang Arab juga disarankan supaya menyimpan rahsia. Rahsia seseorang ialah milik individu itu sendiri selagi kekal tersimpan dalam hatinya *صدرك أوسع لسرك* maksudnya, “Dadamu lebih luas bagi menyimpan rahsiamu” (al-Maydaniy, 1972: 1/ 396). Mathal *أملك الناس لنفسه اکتهم لسره* maksudnya, “Diri seseorang itu ialah miliknya selama dia menyimpan rahsianya daripada kawan dan saudaranya” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 340). Kedua-dua peribahasa ini digunakan sebagai seruan pentingnya menyimpan rahsia sendiri atau orang lain. Seseorang itu diingatkan supaya tidak menyebarkan rahsianya kepada orang lain walaupun sahabat atau saudara sendiri. Ini adalah kerana apabila hubungan antara keduanya renggang dan tidak baik, maka rahsianya akan disebar kepada orang lain.

Peribahasa Arab menyeru supaya manusia bersikap reda dan bersyukur dengan apa-apa yang dimiliki walaupun sedikit. Janganlah dia memandang kepada harta orang lain dan tamakkan harta yang bukan miliknya. Contohnya peribahasa: *خير من سمين غيرك* maksudnya, “Daging bertulang milikmu adalah lebih baik dari daging yang banyak isinya di tangan orang lain” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 70). Sesuatu yang dianugerahkan kepada kita walaupun sedikit adalah lebih baik. Begitu juga mathal *نصيبك شح القوم* maksudnya, “Memadai nasib kamu dan lupakan milik orang lain” (al-Maydaniy, 2004: 2/ 495). Nasib seseorang yang telah dianugerahkan oleh Allah adalah memadai dan bersesuaian dengannya.

Maka lebih baik dia tidak membandingkannya dengan hak orang lain. Peribahasa ini digunakan untuk individu yang gemar hak orang lain.

## PENUTUP

Peribahasa Arab wajar diajar kepada pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab kerana ia dapat mendidik pelajar ke arah akhlak mulia dan mempunyai pemikiran yang luas dan kreatif.

## RUJUKAN

- cAbdul Hamid, Riyad. 1986. *al-Mucjam al-Amthal al-cArabiyyah*. cetakan 1. Riyad: Idarah al-Thaqafah wa Nashr bi al-Jamicah.
- cAbidin, cAbdul Majid. 1989. *al-Amthal fi al-Nathr al-cArabiy al-Qadim*. Beirut: Dar al-Macrifah al-Jamiciyyah.
- Abdul Rahim bin Haji Darus. 1962. *Intisari Sejarah Kesusasteraan Melayu*. Penang: Penerbit Saudara Sinaran Bros Ltd. Berhad.
- Abdul Razak bin Abdul Karim. 1994. *Rujukan Lengkap Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- cAbdul Latif, cAbdul Wahab. 1993. *Mawsucah al-Amthal al-Quraniyyah*. jilid 1. Maktabah al-Adab al-Marbawiy, Muhammad Idris cAbd al Rauf. 1350H. t.thh. *Qamus al-Marbawiy*. cet. 4. Mesir: Pustaka Mustafa al-Babiy al-Halabiy.
- al-Mawardiyy. 1900. *al-Amthal wa al-Hikam*. Mesir: Muassasah Shabab al-Jamicah.
- al-Maydaniy, Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. 1972. *Majmac al-Amthal*. ed: Muhammad Muhyidin cAbdul Hamid. Kaherah: Percetakan Dar al-Fikr.
- al-Maydaniy, Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. 1977. *Majmac al-Amthal*. ed: Nacim Hussin Zurzur. Beirut: Percetakan Dar al-Kutub al-cIlmiyyah.
- al-Maydaniy, Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. 1988. *Majmac al-Amthal*. ed: Nacim Hussin Zurzur. Beirut: Percetakan Dar al-Kutub al-cIlmiyyah.
- al-Maydaniy, Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. 2004. *Majmac al-Amthal*. ed: Nacim Hussin Zurzur. Beirut: Percetakan Dar al-Kutub al-cIlmiyyah.
- al-Maydaniy, Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. t.th. *Majmac al-Amthal*. ed: Muhammad Muhyidin cAbdul Hamid. Beirut: Dar al-Macrifah.
- al-Muarrij, Abu Faid Muarrij bin Amru al-Sudusiy. 1983. *al-Amthal*. Beirut: Dar al-Nahdah al-cArabiyyah.